

PERTARUNGAN AKHIR PESILAT NEGARA ESOK

3 LELAKI, 2

WANITA LAYAK

-6 DEC 1987

Laporan KHAIRUL ANUAR HJ MOKHTAR, MOHD RAHIME YUSOFF dan JAMHARIAH JAAFAR

MALAYSIA boleh bernafas lega apabila lima pesilat kebangsaan 'menggegarkan' Stadium Negara dengan menempah tiket ke perlawanan akhir kelas masing-masing dalam Kejuaraan Silat Sedunia, malam tadi.

Antaranya, Ahmad Rafie Yaacob (Kelas A), Ahmad Wardi Salim (B), Ahmad Fauzi Othman (F), Masliza Abu Bakar (B) dan Normala Yaakob (A).

Bagaimanapun, peserta negara dijangka menghadapi saingan hebat dari Indonesia, juara keseluruhan kejuaraan lalu di Vienna yang turut mara ke perlawanan akhir.

Pemenang pingat emas Sukan SEA lalu, Ahmad Rafie menjadi peserta Malaysia pertama memberi semangat mara ke akhir selepas menumpaskan Edros Haji Mayalin dari Brunei dengan keputusan 5-0.


Cabaran Ahmad Rafie dalam menentukan pingat emas keduanya bagi tahun ini adalah Junaidi dari Indonesia. Bagi Jun-



■ AZIZ DERAMAN



■ RASAKAN... Pesilat Kelas H, Azam Abas dari Malaysia berjaya menjatuhkan Andoni Cabanillas dari Sepanyol. Andoni menang 5-0.



■ JANGAN CEKIK ... Andreas Schmit Kelas I dari Jerman Barat memegang leher Sarmo dari Indonesia dalam usaha menjatuhkan lawan. Sarmo menang 5-0.

aidi pula ini adalah pertarungan balas dendam selepas memberi kemenangan percuma di Jakarta lalu atas sebab-sebab teknikal.

Ahmad Wardi Salim (kelas B) yang turut mara ke akhir mengorak senyuman lega selepas musuh tradisinya, Joko Widodo dari Indonesia tersingkir di separuh akhir semalam.

Dia yang menewaskan Mohd Riduan Ahmad dari Singapura akan berentap dengan Faudilah Ahani dari Brunei yang menerima kemenangan selepas Joko dipersalahkan kerana bertindak kasar.

Faudilah terpaksa diusung keluar dan mendapat rawatan perubatan akibat terkena pukulan di bahagian muka.

Pesilat-pesilat wanita negara melonjak gembira apabila, Normala Yaakob (Kelas A) bertindak cemerlang melayakkan diri ke akhir selepas menumpaskan D K Rafidahi dari Brunei dengan keputusan juri 5-0.

Sungguhpun baru pertama kali mewakili negara, Normala menunjukkan kematangan ketika menyerang dan bertahan. Pertemuannya dengan Rina Widayati dari Indonesia yang lebih berpengalaman dalam perlawanan akhir pasti menarik.

Seorang lagi muka baru, Masliza Abu Bakar akan bertemu juara dunia Kelas B, Tri Wahyuni dari Indonesia dalam perlawanan akhir. Masliza menumpaskan Suryati Hamidon dari Brunei.

Bagaimanapun, pemenang pingat emas Sukan SEA, Ahmad Khusairi Ibrahim gagal meneruskan cabaran negara apabila tumpas kepada Faizal Mahuyuddin dari Indonesia.

B. Minggu (M)

KEPUTUSAN:

Lelaki - Kelas A: Ahmad Raffie Yaacob (Mal B) mn Edros Haji Mayalin (Bru) 5-0; Kelas B: Ahmad Wardi Salim (Mal B) mn Mohd Riduan Ahmad (Sin) 4-1; Faudilah Ahani (Bru) mn Joko Widodo (Ina); Kelas C: Khalid Awad (Sin) mn Mohd Khairi A Rahman (Mal A) 3-2; Faizal Mahuyuddin (Ina) mn Ahmad Khusairi Ibrahim (Mal B) 4-1; Kelas H: Nayan Muda (Ina) mn James Byrnes (Aust) 5-0; Andoni Cabanillas (Spn) mn Azam Abbas (Mal B) 5-0; Kelas I: Sarmo (Ina) mn Andreas Schmidt (Jer) 5-0; Marcel Copini (Bel) mn Cesar Nunez (Spn) 4-1; Kelas D: Azman Amat (Sin) mn Asanredso Loyo (Sur) 3-2; Dhani Wisni (Ina) mn Zakri Ibrahim (Mal B) 4-1; Kelas F: Koldoazmendi Ituprate (Spn) mn Jamal Jantan (Sin) 4-1; Ahmad Fauzi Othman (Mal B) mn Hassan Haji Tuah (Bru) 3-2.

Wanita - Kelas A: Normala Yaakob (Mal A) mn D K Rafidahi (Bru) 5-0; Rina Widayati (Ina) mn Khatijah Salleh (Mal B) 5-0; Kelas C: Michealia Btyant (Bru) mn Aswida Darus (Mal A) 4-1; Nuryani Hamid (Ina) mn Siti Azahariah Hussin (Mal B) 5-0; Kelas E: Heike Dietrich (Jer) mn Roslinda Abdullah (Mal A) 5-0; Ni Made Wahyuni (Ina) mn Zaleha Suradi (Mal B) 5-0; Kelas B: Tri Wahyuni (Ina) mn Badariah Hosni (Sin) 5-0; Masliza Abu Bakar (Mal B) mn Suryati Hamidon (Bru) 4-1.

HARI INI

8 MALAM: SILAT (BAHAGIAN SENI)
(Tidak ada perlawanan sebelah siang)